

# **JUMLAH PENDUDUK YANG MAMPAN KE ARAH SINGAPURA YANG DINAMIK**

**KERTAS PUTIH MENGENAI KEPENDUDUKAN**

**JANUARI 2013**

---

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## LATAR BELAKANG

Jumlah warga Singapura telah mencapai satu titik perubahan pada 2012, kerana kohort pertama yang dilahirkan selepas Perang Dunia Kedua, dari 1946 hingga 1964, (Baby Boomers) telah mencapai usia 65 tahun. Singapura akan mengalami peralihan usia yang belum pernah berlaku antara sekarang dengan 2030. Lebih 900,000 Baby Boomers, iaitu lebih daripada suku jumlah penduduk sekarang, akan memasuki usia warga emas. Mulai 2020, jumlah warga yang bekerja akan berkurangan, kerana bilangan rakyat Singapura yang lebih tua yang akan bersara melebihi bilangan warga muda yang baru mula

bekerja. Dengan kadar kelahiran kita yang rendah sekarang ini, penduduk warga Singapura akan menua dengan pesatnya, dan bilangannya juga akan mula berkurangan mulai 2025, jika kita tidak mengambil sebarang pendatang baru.

Kertas Putih ini membentangkan pertimbangan-pertimbangan utama dan hala tuju bagi dasar-dasar untuk menangani cabaran demografi ini. Ia juga menggariskan dasar-dasar pemerintah untuk mengekalkan kedudukan warga Singapura sebagai teras penduduk negara ini, mengawal bilangan warga baru Singapura (SC) dan Penduduk Tetap (PR) Singapura yang



kita bawa masuk, mewujudkan pekerjaan-pekerjaan dan peluang-peluang bagi rakyat Singapura, membina sekitaran kehidupan yang bermutu tinggi, serta mengukuhkan lagi jati diri dan masyarakat kita.

## TIGA TUNGGAK BAGI JUMLAH PENDUDUK YANG MAMPAN KE ARAH SINGAPURA YANG DINAMIK

Jumlah penduduk yang yang mampan di Singapura bergantung pada tiga tunggak utama.

Pertama, warga Singapura adalah teras masyarakat dan *nadi* negara kita. Untuk menjadi masyarakat yang kukuh dan erat, kita mesti mempunyai teras yang kuat. Keluarga yang teguh adalah tunggak masyarakat kita, dan menerusnya kita menyampaikan nilai-nilai dan semangat kekitaan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Kita mungkin mempunyai latar belakang yang berbeza-beza dari segi geografi dan kaum, tetapi kita semua adalah rakyat Singapura kerana kita berkongsi beberapa nilai dan aspirasi utama, termasuk meritokrasi, masyarakat yang adil dan saksama, dan sikap hormat-menghormati budaya satu sama lain dalam ruang luas yang dikongsi sama di mana semua berinteraksi dan menjalin hubungan yang erat.

Kedua, penduduk dan tenaga kerja kita mesti menyokong ekonomi yang dinamik yang akan dapat mewujudkan pekerjaan-pekerjaan dan peluang-peluang yang baik secara tetap bagi memenuhi *harapan* dan aspirasi rakyat

Singapura. Banyak bandar Asia sedang menuju kemodenan dengan pesatnya, dan menandingi kita. Singapura mesti terus membangun dan meningkatkan kemajuan yang dicapai untuk kekal menjadi nadi utama dalam rangkaian bandar-bandar global, sebuah tempat yang bertenaga di mana pekerjaan-pekerjaan dan peluang-peluang diwujudkan. Ekonomi yang dinamik akan menyediakan kita dengan lebih banyak sumber dan ruang bagi melaksanakan strategi-strategi pertumbuhan inklusif untuk memberi manfaat kepada rakyat daripada segenap lapisan.

Ketiga, kita mesti terus mengekalkan Singapura sebagai sebuah *kediaman* yang baik. Bandar kita mesti terus diurus dengan baik, dirancang dengan baik, dan dibangunkan dengan baik. Kita mesti memenuhi keperluan prasarana bagi penduduk dan ekonomi yang berubah-ubah dengan cara yang tepat pada masanya dan berkesan, sambil mengekalkan dan mempertingkatkan sekitaran menghijau, supaya Singapura menjadi sebuah 'Bandar dalam Taman' yang unik dan bertenaga.

## MENGEKALKAN WARGA TERAS SINGAPURA YANG KUKUH

Pada 2011, jumlah Kadar Kesuburan (TFR) kita adalah 1.20. Kadar TFR kita telah berada di bawah kadar penggantian iaitu, 2.1, selama lebih daripada tiga dekad. Kadar TFR yang rendah dan berkurangan bukanlah sesuatu yang unik kepada Singapura. Banyak negara Barat yang maju, dan masyarakat Asia Timur seperti Hong



Kong, Jepun, dan Taiwan, juga menghadapi masalah yang sama.

Untuk menolong rakyat Singapura mencapai impian mereka untuk mendirikan rumahtangga dan mempunyai anak, kita telah memperkenalkan Pakej Perkahwinan & Keibubapaan pada 2001, dan mempertingkatkan pada 2004 dan 2008. Kita akan mempertingkatkan lagi tahun ini untuk: (a) membolehkan pasangan-pasangan mendapatkan rumah dengan lebih cepat dan mudah, supaya mereka boleh mendirikan rumah tangga dan membina keluarga lebih awal; (b) menyediakan sokongan bagi kos penghamilan dan bersalin.; (c) mengurangkan lagi kos membesarkan anak, termasuk kos penjagaan kesihatan; (d) mempertingkatkan langkah-langkah kerja-kehidupan bagi membantu pasangan-pasangan yang bekerja mengimbangi komitmen antara kerja dan keluarga; (e) memberi isyarat kepada kaum bapa supaya memainkan peranan yang lebih besar menerusi cuti paterniti dan cuti ibu bapa yang dikongsi bersama.

Kami akan terus menyambut pendatang baru yang dapat memberi sumbangan kepada Singapura, mengongsi nilai teras kita dan berintegritas dalam masyarakat kita. Semakin ramai warga Singapura mengahwini orang bukan warga Singapura. Sekitar 40% daripada perkahwinan warga Singapura pada setiap tahun adalah antara warga Singapura dengan orang bukan warga Singapura – yang mana pada 2011 sahaja terdapat seramai 9,000 pasangan.

Kita tidak menjangkakan kadar TFR kita akan meningkat sehingga mencapai kadar penggantian 2.1 dalam jangka masa yang dekat. Mengambil masuk pendatang yang lebih muda akan menolong kita menokok bilangan kohort warga Singapura yang lebih muda, yang jumlahnya lebih kecil, dan mengimbangi puaan penduduk warga kita. Untuk mengelakkan jumlah penduduk kita daripada mengecut, kita akan mengambil masuk antara 15,000 dan 25,000 warga baru setiap tahun. Kita akan menyemak semula kadar imigrasi ini dari masa ke masa, bergantung pada mutu para pemohon, kadar kelahiran kita, dan keperluan kita yang berubah-ubah.

Penduduk Tetap adalah satu status pertengahan di mana menerusinya orang-orang asing mendapatkan kewarganegaraan. Ia ditujukan kepada mereka yang mempunyai taruhan jangka masa panjang di Singapura dan berniat untuk terus kekal di sini. Kita telah memperketat bilangan mereka yang mendapat taraf Penduduk Tetap setiap tahun. Kita telah mengurangkannya daripada seramai 79,000 Penduduk Tetap baru pada 2008 kepada lebih kurang 30,000 setiap tahun sekarang ini. Kita bercadang mengekalkan langkah ini. Ini akan mengekalkan bilangan Penduduk Tetap pada taraf yang stabil, antara 0.5 dan 0.6 juta, dan memastikan adanya satu kumpulan yang berpotensi untuk menjadi warga negara Singapura.

Kita akan terus menggalakkan dan menolong warga baru berintegrasi dalam masyarakat kita. Kita mahu mereka menyesuaikan diri dengan cara hidup kita, dan pada masa yang sama memperkaya pengalaman, kemahiran dan keupayaan dalam masyarakat kita.

Dengan kadar imigrasi yang terkawal ini, jumlah penduduk warga Singapura dijangka mencecah antara 3.6 dan 3.8 juta orang menjelang 2030. Dengan jumlah Penduduk Tetap seramai 0.5 hingga 0.6 juta orang, jumlah penduduk Singapura (terdiri daripada warga dan Penduduk Tetap) akan menjadi antara 4.2 dan 4.4 juta pada 2030, bergantung pada kadar kelahiran, imigrasi dan jangkaan hayat.

## **MEWUJUDKAN PELUANG-PELUANG YANG BAIK UNTUK RAKYAT SINGAPURA**

Tenaga kerja Singapura kian mempunyai kelayakan yang lebih baik kerana rakyat muda Singapura yang memasuki alam pekerjaan kini berpendidikan lebih tinggi, dan para pekerja yang sedia ada pula mempertingkatkan diri mereka melalui pendidikan dan latihan berterusan. Kami menjangkakan satu peningkatan besar dalam tenaga kerja warga Singapura di mana semakin ramai daripada mereka membentuk golongan Profesional, Pengurus dan Eksekutif dan Teknikal (PMET). Menjelang 2030, bilangan warga Singapura yang memegang jawatan-jawatan PMET dijangka naik sebanyak hampir 50% kepada kira-kira 1.25 juta orang berbanding 850,000 orang hari ini, sedang bilangan pekerja bukan PMET dijangka merosot sebanyak lebih 20% kepada 650,000 orang berbanding 850,000 orang hari ini. Pada keseluruhannya, dua pertiga warga Singapura akan memegang jawatan-jawatan PMET dalam 2030, berbanding kira-kira separuh pada hari ini. Kita akan terus menyediakan peluang-peluang untuk warga Singapura bukan PMET dan menolong mereka mempertingkatkan diri dan menambah kemahiran, serta memastikan bahawa mereka diberi layanan yang adil dan sumbangan mereka yang lebih besar diiktiraf dengan gaji yang setimpal.

Untuk mewujudkan pekerjaan-pekerjaan dan peluang-peluang yang baik untuk rakyat Singapura, kita memerlukan sebuah ekonomi yang dinamik dan perniagaan-perniagaan yang

menghasilkan barangan dan perkhidmatan bukan sahaja untuk Singapura bahkan juga untuk rantau ini dan dunia. Ekonomi kita mesti mendahului bandar-bandar Asia yang lain supaya kita dapat menyediakan barangan dan perkhidmatan nilai-tinggi yang mereka perlukan tetapi belum dapat dihasilkan mereka sendiri. Perniagaan-perniagaan kita akan memerlukan tenaga kerja yang mempunyai pelbagai kemahiran, latar belakang dan pengalaman untuk memulakan sektor-sektor nilai tambah yang tinggi dan yang baru berkembang, serta memahami pasaran-pasaran serantau dan antarabangsa. Ini memerlukan tenaga kerja yang terdiri daripada rakyat Singapura dan warga asing yang saling melengkapi.

Para pekerja asing boleh menyediakan kemahiran dan kepakaran serta pengetahuan dan akses pasaran untuk membolehkan syarikat-syarikat yang berpangkalan di Singapura mencipta produk-produk baru dan menembusi pasaran-pasaran baru untuk menawarkan perkhidmatan di rantau ini dan selanjutnya.

Para pekerja asing menolong mewujudkan keseimbangan yang wajar antara para pekerja mahir dan kurang mahir dalam keseluruhan tenaga kerja kita. Sedang rakyat Singapura mempertingkatkan diri mereka untuk pekerjaan-pekerjaan berkemahiran tinggi, banyak pekerjaan berkemahiran rendah perlu diambil alih oleh para pekerja asing.

Para pekerja asing juga menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan,

penjagaan warga tua dan kerja-kerja rumah untuk memberikan sokongan kepada penduduk kita yang semakin menua dan keluarga yang keluar bekerja. Mereka membina prasarana dan perumahan, dan melakukan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan. Oleh itu, mereka membolehkan rakyat Singapura menikmati perkhidmatan-perkhidmatan sosial dan perbandaran pada kos sederhana, dan menyumbang kepada mutu kehidupan kita.

Kehadiran para pekerja asing membolehkan syarikat-syarikat mengembangkan perniagaan mereka dengan pantas dan lebih fleksibel semasa ekonomi melonjak. Mereka juga mengurangkan kesan kehilangan pekerjaan bagi pekerja warga Singapura ketika kemelesetan ekonomi.

Oleh itu, kita akan terus memerlukan bilangan para pekerja asing yang banyak untuk melengkapi para pekerja Singapura yang menjadi teras tenaga kerja di Singapura.

Namun, kita tidak boleh membenarkan para pekerja asing dibawa masuk ke Singapura tanpa batas. Kita tidak mahu dibanjiri dengan kehadiran lebih ramai pekerja asing daripada jumlah yang mampu kita serap, atau menambah bilangan keseluruhan penduduk kita melebihi apa yang boleh ditampung pulau ini. Kehadiran pekerja asing yang terlalu banyak juga akan menurunkan gaji dan mengurangkan insentif di kalangan firma-firma untuk meningkatkan kemahiran para pekerja dan menambah daya penghasilan.

Sepanjang dekad ini, dengan pertumbuhan tenaga kerja Singapura yang mula perlahan, kadar pertumbuhan keseluruhan tenaga kerja juga akan menjadi perlahan kepada kira-kira 1% hingga 2% setahun, separuh daripada 3.3% setahun sepanjang 30 tahun yang lalu. Selepas 2020, tenaga kerja akan mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan lagi kepada kira-kira 1% setahun apabila penduduk semakin menua dan pertumbuhan tenaga kerja Singapura mula mendatar.

Oleh itu, kita mesti mengurangkan pergantungan kita pada pekerja asing, menggunakan sumber kita dengan lebih baik dan melipatgandakan usaha untuk meningkatkan daya penghasilan. Itulah satu-satunya cara yang mampan untuk mengembangkan ekonomi kita dan menaikkan gaji sebenar. Bagaimanapun, pada masa akan datang, apabila ekonomi kita menjadi matang dan mengalami perubahan demografi yang besar, lebih sukar bagi kita terus mengekalkan kadar pertumbuhan produktiviti yang tinggi.

Sehingga 2020, jika kita berjaya mencapai pertumbuhan produktiviti sebanyak 2% hingga 3% setiap tahun (satu sasaran yang sangat tinggi), dan mengekalkan pertumbuhan tenaga kerja keseluruhannya pada 1% hingga 2%, kita boleh mencapai pertumbuhan purata Hasil Kasar Dalam Negeri (GDP) sebanyak 3% hingga 5%. Tetapi sepanjang tempoh ini, GDP lebih berkemungkinan tumbuh antara 3% dan 4%, walaupun kadarnya mungkin lebih tinggi pada tahun-tahun makmur.

Selepas 2020, Singapura akan terus menikmati prospek yang baik selagi kita kekal bersaing dan dapat memanfaatkan pertumbuhan Asia. Kita mungkin meraih pertumbuhan GDP sebanyak 2% hingga 3% setahun dari 2020 sehingga 2030. Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi sebenar akan bergantung pada banyak faktor: sekitaran luaran, pertumbuhan produktiviti dan tenaga kerja, keupayaan kita untuk menjadi warga yang dinamik dan kreatif serta kebolehan kita untuk bekerjasama dengan baik, berbanding dengan penduduk bandar-bandar lain.

## **SEKITARAN HIDUP YANG BERMUTU TINGGI**

Kita mahu Singapura kekal sebagai salah satu tempat tinggal terbaik di dunia – sebuah bandar untuk semua golongan usia, dan sebuah negara yang kita banggakan sebagai kediaman kita.

Kita akan melabur dalam prasarana kita dan mewujudkan ruang-ruang bandar yang bermutu tinggi, menyediakan akses kepada kemudahan-kemudahan, pusat-pusat pengangkutan dan perkhidmatan. Laluan kereta api kita akan diperpanjang sebanyak sekitar 100 km kepada 280 km menjelang 2021. Kita akan membina lebih banyak perumahan awam, hospital dan pusat-pusat penjagaan. Dengan adanya taman-taman dan rangkaian penghubung taman yang baru, warga Singapura akan dapat terus menikmati kawasan-kawasan hijau yang mudah diakses di serata Singapura.

Kita akan terus meneroka teknologi baru dan huraian-huraian inovatif untuk



meluaskan dan mengoptimalkan penggunaan tanah kita. Yayasan Kajian Kebangsaan telah memperuntukkan \$135 juta untuk penyelidikan dan pengembangan mengenai tanah dan kesesuaiannya untuk dijadikan tempat tinggal, dengan memberi tumpuan kepada mewujudkan ruang-ruang baru yang efektif dari segi kos dan mengoptimalkan penggunaan ruang.

Dengan merancang pembangunan prasarana kita lebih awal, dan melaksanakannya tepat pada masanya dengan cara yang berkesan, kita boleh mengatasi masalah-masalah dan kesesakan yang sedang kita hadapi sekarang, dan menampung jumlah penduduk yang lebih besar.

## **TRAJEKTORI PENDUDUK**

Kertas Putih ini menunjukkan hala tuju dari segi trajektori-trajektori penduduk yang boleh berlaku untuk memenuhi

keperluan-keperluan Singapura dan warga Singapura untuk masa ini dan masa depan.

Jumlah keseluruhan penduduk Singapura yang terdiri daripada penduduk dan bukan penduduk pada 2020 dijangka berjumlah antara 5.8 dan 6 juta orang, bergantung kepada trend kesuburan kita, jangka hayat dan juga keperluan-keperluan sosial dan ekonomi kita. Jumlah penduduk (terdiri daripada warga Singapura dan Penduduk Tetap) dijangka antara 4 hingga 4.1 juta, dengan warga Singapura berjumlah 3.5 hingga 3.6 juta orang.

Menjelang 2030, jumlah keseluruhan penduduk Singapura boleh mencecah antara 6.5 hingga 6.9 juta. Terdapat ruang ketidakpastian yang lebih luas, dan bilangan sebenar akan sekali lagi bergantung kepada faktor-faktor seperti tren kesuburan dan jangka hayat, sekitaran global dan rantau ini, struktur ekonomi kita dan keperluan-keperluan



sosial. Jumlah penduduk yang terdiri daripada warga Singapura dan Penduduk Tetap dijangka mencecah 4.2 hingga 4.4 juta, dengan warga Singapura mencecah 3.6 hingga 3.8 juta.

## **PENUTUP**

Cabaran-cabaran kependudukan kita adalah kompleks dan mempunyai pelbagai aspek, serta mempunyai kesan meluas ke atas generasi masa kini dan yang akan datang. Tiada jalan penyelesaian yang mudah.

Kita perlu mencari keseimbangan. Jika usaha kita terlalu sedikit untuk menangani cabaran demografi, kita menghadapi risiko menjadi sebuah masyarakat yang terus menua, yang kehilangan tenaga dan semangat, serta warga muda kita akan meninggalkan tempat ini untuk mencari peluang di tempat lain. Tetapi jika kita mengambil masuk terlalu ramai pendatang dan pekerja asing, kita akan melemahkan jati diri kebangsaan kita dan semangat kekitaan kita sebagai rakyat Singapura, dan berasa tempat kita terlalu sesak untuk kita diami. Kertas Putih ini bertujuan mendapatkan keseimbangan demi mencapai matlamat kita iaitu: Jumlah Penduduk yang Mampan ke Arah Singapura yang Dinamik.

Kita mesti merancang lebih awal supaya dapat membina sebuah kediaman yang terbaik bagi rakyat Singapura, untuk masa ini dan pada masa depan. Sebuah kediaman di mana kita saling mengambil berat, dan merasa semangat kekitaan dan kebanggaan sebagai rakyat Singapura. Sebuah kediaman untuk

rakyat Singapura membina keluarga dan membesarkan anak-anak. Sebuah tempat tinggal di mana warga emas meniti usia senja mereka dengan selesa dan bermaruah, dan golongan muda mempunyai banyak peluang yang menguja serta masa depan yang cerah.